

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1993/94**

**Jun 1994**

**FFP 361 Farmasi Forensik**

**Masa: (3 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM** (6) soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

Jawab **SEMUA** soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (a) Apakah yang anda faham mengenai "Body Corporate" di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951? Dalam keadaan bagaimanakah 'Body Corporate' itu boleh didaftarkan oleh Lembaga?
- (b) (i) Apakah yang anda faham mengenai 'Sijil Pengekalan Tahunan'?
- (ii) Dalam keadaan bagaimanakah Lembaga Farmasi boleh membatalkan 'Sijil Pengekalan Tahunan' seseorang Ahli Farmasi Berdaftar?

(18 markah)

2. Kelaskan dengan terperinci keluaran-keluaran berikut di bawah Akta Racun 1952 (Disemak 1989) dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) yang mana berkenaan. (Kelaskan mengikut kedua-dua undang-undang jika kedua-duanya berkenaan).
  - (a) Satu tablet mengandungi 'Diphenoxylate HCl' 2.5 mg.
  - (b) Sirap ubat batuk mengandungi 9.0 mg per 5 ml. 'Codeine Phosphate' dengan 0.1 mg per 5 ml 'Indomethacine'.
  - (c) Ubat batuk mengandungi 25 mg 'Dextromethophan' dalam tiap-tiap 5ml.
  - (d) Tablet ubat batuk beratnya lebih kurang 100 mg, tiap satu tablet mengandungi 25 mg 'Dextromethophan'.
  - (e) Tablet selsema yang beratnya 550 mg, mengandungi 12 mg 'Diphenhydramine HCl', 12.5 mg 'Phenylpropanolamine HCl' dan 500 mg 'Paracetamol'.
  - (f) Kapsul mengandungi 250 mg. 'Ampicillin Trihydrate'.
  - (g) Tiub 25 gm salap kulit mengandungi 250 mg 'Tetracycline HCl'.

...3/-

- (h) Tiub 5 gm salap mata mengandungi 50 mg 'Tetracycline HCl'.
- (i) Makanan Tambahan haiwan bagi tiap-tiap gram mengandungi 250 mg 'Tetracycline HCl'.

(16 markah)

3. Bapa saudara anda datang bersama kawannya seorang sinseh yang terkenal. Mereka menunjukkan kepada anda satu format iklan yang ia akan siarkan dalam satu akhbar tempatan. Apakah nasihat anda kepada kawan bapa saudara anda itu dengan merujuk kepada seksyen-seksyen yang berkaitan di bawah akta berkenaan?

**SINSEH WENG**

**PUSAT PENYEMBUHAN CHINA YANG MASYHOR**

**404, JALAN LANGGAR BUKIT, BUKIT JAYA, 53100 KUALA LUMPUR**

*ENCIK WENG KIM TONG, dilatih di Negara China selama 10 tahun oleh pakar-pakar terkenal dalam Seni Penyembuhan Tradisi China sekarang telah memulakan praktiknya di alamat di atas.*

- \* *Pakar dalam mengubat patah, rawatan bagi lemah fungsi seks, kaku, kemandulan, hernia dan ketagihan dadah.*
- \* *Pengeluaran dan pengedar bagi ubat-ubatan berikut*

**Kapsul Ginseng Greatwall**

*Satu tonik yang terbukti berkesan untuk merawat kelesuan, kehabisan tenaga, melambatkan proses ketuaan dan melanjutkan usia.*

...4/-

Pati Helang Greatwall

*Masyhor dengan, sifat-sifat boleh menyembuh dengan, segera untuk darah tinggi dan penyakit-penyakit ginjal.*

Masa Rawatan

*Isnin - Jumaat : 10.00 pagi hingga 6. 00 petang  
Sabtu : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari  
Tutup pada : Hari Ahad dan Hari Kelepasan Am.*

(16 markah)

4. (a) Apakah Bahan Psikotropik di bawah Akta Racun 1952 (Disemak 1989)?
- (b) Jelaskan bagaimana anda mengimport, menyimpan dan menjual secara jualan borong satu Bahan Psikotropik menggunakan Tablet Diazepam 5.0 mg sebagai contoh.

(18 markah)

5. (a) Apakah keperluan-keperluan undang-undang untuk menjual secara runcit bagi dadah-dadah berbahaya oleh seorang ahli farmasi di bawah perundangan yang berkuatkuasa?
- (b) Bagaimana seorang ahli farmasi boleh membekal dadah berbahaya kepada seorang pengamal perubatan? Jelaskan.

(16 markah)

...5/-

6. (a) (i) Dengan merujuk kepada Akta Jualan Dadah 1952 (Disemak 1989) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, apakah yang anda mengerti dengan:
- (1) Dadah
  - (2) Jualan
  - (3) Keluaran
  - (4) Remedi Herbal
  - (5) Mengilang
- (ii) Nyatakan perbezaan-perbezaan, jika ada, antara 'dadah' dengan 'keluaran' berdasarkan perundangan-perundangan ini.
- (b) Dalam pengertian Akta Perihal Dagangan 1972, nyatakan:
- (1) "Perihal Dagangan Palsu".
  - (2) Hukuman-hukuman di bawah Akta berkenaan.

(16 markah)

-ooOoo-

